

Mahasiswa perlu jadi ikon pelajar sekolah

UB 15.4.2014 B6

KOTA KINABALU: Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Datuk Dr Hj Kasim Hj Md Mansur berkata, mahasiswa universiti harus menjadi ikon kepada pelajar-pelajar menanamazam untuk bertekad memasuki universiti.

Menurut beliau, siswa-siswi perlu menunjukkan teladan yang baik sekali gus menjadi pendorong kepada pelajar-pelajar menanamazam untuk bertekad memasuki universiti.

Beliau berkata demikian pada Kembara Ilmu Semega Siri 1 yang bertemakan Memotivasi Pelajar Sekolah Melangkah ke Menara Gading.

Menyentuh mengenai program itu, Kasim berkata universiti sentiasa menyokong aktiviti yang bersifat kesukarelawan dan motivasi.

"Selain mampu merapatkan hubungan universiti dengan masyarakat, ia juga bermanfaat dalam mengasah ketramplinan serta teknik komunikasi dan pengucapan awam yang



DR. KASIM

berhadapan dengan pelbagai persoalan daripada para pelajar," katanya.

Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEP) mengadakan program itu secara serentak selama dua hari berturut-turut di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tawau, SMK Kinabutan, SMK Jambatan Putih, SMK Umas-umas, SMK Balung, SMK Tawau II, SMK Abaka, SMK Wakuba dan SMK Merotai.

Hadir sama, Timbalan Pendaftar Kanan HEP Mohd Raffie Hj Janau.